MyREF
Malaysian Research & Education Foundation

# KEFAHAMAN HADIS

# "APABILA BERTEMU DUA KHITAN" DALAM KONTEKS THAHARAH

# KEFAHAMAN HADIS "APABILA BERTEMU DUA KHITAN" DALAM KONTEKS TAHARAH

**PENASIHAT:**
PROF. MADYA DR. MUHAMMAD FAWWAZ MUHAMMAD YUSOFF

**PENULIS:**
MOHD RASYIDI BIN ALI
ABDUL HAKIM BIN BAHARUDIN@ISMAIL
ABDUL HADI BIN AWANG
MUHAMMAD ZAKI BIN ABD RAHIM

# ISI KANDUNGAN


Bab 1: Pengenalan (Latar belakang, masalah, objektif, metodologi) ..... 3

Pendahuluan ..... 3

Latar Belakang Kajian ..... 3

Pernyataan Masalah ..... 4

Objektif Kajian ..... 4

Metodologi Kajian ..... 5

Bab 2: Analisis Hadis (Matan & Bahasa) ..... 6

Perbezaan lafaz hadis: ..... 6

Penerangan Lafaz Hadis: ..... 8

Bab 3: Syarahan Hadis & MAQASID HADIS ..... 9

Analisis syarah (penjelasan): ..... 9

Maqasid atau hikmah mandi junub ..... 12

Bab 4: Perbandingan Pandangan Fuqaha ..... 14

Mazhab Hanafi ..... 14

Mazhab Maliki ..... 15

Mazhab Syafie ..... 15

Mazhab Hanbali ..... 16

Bab 5: Analisis & Perbincangan ..... 19

Kesantunan dan Keberadaban Bahasa dalam Hadis Nabi ..... 20

Kesimpulan dan Penutup: ..... 23

Rujukan ..... 24

Kitab Fiqh & Usul ..... 24

Kitab Hadis & Syarah ..... 24

Kitab Tafsir ..... 25

Ensiklopedia Hadis & Digital ..... 25

**KEFAHAMAN HADIS "*APABILA BERTEMU DUA KHITAN*" DALAM KONTEKS TAHARAH**

## BAB 1: PENGENALAN (LATAR BELAKANG, MASALAH, OBJEKTIF, METODOLOGI)

### Pendahuluan

Perbahasan mengenai hukum-hakam taharah (bersuci) merupakan salah satu asas utama dalam disiplin fiqh ibadah kerana ia menjadi syarat sah kepada ibadah solat. Antara isu penting dalam bab ini ialah kewajipan mandi junub (ghusl) selepas berlaku hubungan suami isteri. Hadis riwayat Muslim (105) daripada Saidatina Aisyah RA, *إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ وَإِنْ لَمْ يُنْزِلْ* menjadi sandaran utama dalam perbahasan fuqaha mengenai keadaan yang mewajibkan mandi junub.

Namun, pemahaman terhadap maksud sebenar lafaz *"إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ"* (apabila bertemu dua kemaluan) telah menimbulkan khilaf dalam kalangan ulama. Perbezaan kefahaman ini membawa kepada kesan praktikal dalam hukum ibadah masyarakat Muslim, khususnya mengenai syarat sah solat dan ibadah lain yang mensyaratkan taharah. Oleh itu, kajian terhadap hadis ini dari sudut usul al-fiqh, bahasa, serta perbandingan pandangan fuqaha adalah penting untuk memberikan penjelasan yang lebih tepat dan menyeluruh.

### Latar Belakang Kajian

Ilmu usul al-fiqh memberi garis panduan dalam memahami teks syarak sama ada al-Quran atau hadis, melalui kaedah istidlal dan istinbat hukum. Hadis riwayat Saidatina Aisyah RA ini menjadi dalil utama dalam penentuan hukum mandi junub, di samping hadis-hadis lain seperti:

- Hadis riwayat Abu Hurairah RA: *"إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ"* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).
- Ijma' fuqaha mengenai kewajipan mandi junub apabila berlaku jimak.

Dalam literatur fiqh, pandangan ulama berbeza dalam menafsirkan maksud *"apabila bertemu dua kemaluan"*:

1. Mazhab Syafi'i, Maliki, dan Hanbali menegaskan bahawa sekadar berlaku persetubuhan dengan penetrasi mewajibkan mandi, tanpa syarat keluar mani.

2. Sebahagian ulama dalam Mazhab Hanafi pada awalnya menegaskan mandi hanya wajib apabila berlaku inzal, namun pendapat ini kemudian berubah kepada ijma' jumhur.

Persoalan ini tidak hanya berbentuk teoritikal, tetapi juga memberi kesan besar dalam amalan masyarakat Muslim. Sebagai contoh, masih wujud kekeliruan dalam kalangan awam mengenai keperluan mandi wajib jika berlaku persentuhan intim tanpa inzal. Kajian akademik dalam bidang hadis dan usul fiqh wajar memberikan penjelasan agar masyarakat tidak terjerumus dalam keraguan atau kelalaian dalam ibadah.

**Pernyataan Masalah**

Beberapa isu yang menjadi fokus kajian ini ialah:

1. Hadis riwayat Muslim (105) menyebut tentang kewajipan mandi apabila bertemu dua kemaluan, tetapi terdapat perbezaan pentafsiran dalam kalangan fuqaha terhadap maksud sebenar lafaz hadis tersebut.
2. Sebahagian masyarakat memahami hadis ini secara literal bahawa cukup sekadar persentuhan kemaluan tanpa penetrasi, sedangkan jumhur fuqaha menafsirkannya dengan berlakunya jima' (penetrasi).
3. Perbezaan ini menimbulkan kekeliruan praktikal dalam masyarakat, terutama berkaitan kewajipan mandi junub selepas hubungan suami isteri dan kesannya kepada sah atau batal ibadah.
4. Kajian ilmiah yang mendalam diperlukan untuk meneliti maksud hadis dari aspek bahasa, syarah hadis, serta perbandingan pandangan fuqaha dalam mazhab-mazhab utama.

**Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

1. Menjelaskan maksud lafaz hadis Saidatina Aisyah RA dari aspek bahasa Arab dan terminologi fiqh.
2. Menyediakan syarah hadis berdasarkan rujukan kitab-kitab muktabar dalam syarah hadis dan fiqh.
3. Menganalisis pandangan fuqaha daripada empat mazhab utama (Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hanbali) terhadap maksud hadis ini.

4. Membuat perbandingan antara pandangan jumhur dan pandangan minoriti, serta menentukan pendapat yang lebih rajih berdasarkan dalil usul al-fiqh.

**Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan **kualitatif** dengan analisis teks (textual analysis) terhadap sumber hadis dan fiqh. Metodologi ini melibatkan:

1. **Kajian Hadis**
    - Analisis sanad (ijmali) untuk memastikan kesahihan hadis.
    - Analisis matan hadis dengan meneliti lafaz bahasa Arab dan konteks penggunaannya.
    - Rujukan utama: *Syarh Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawi, *Fath al-Bari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, serta syarah dalam *Maktabah Syamilah*.
2. **Kajian Fiqh dan Usul al-Fiqh**
    - Analisis pandangan fuqaha dari empat mazhab utama melalui kitab-kitab rujukan seperti:
        - *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah* oleh al-Jaziri.
        - *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* oleh Ibn Rushd.
        - *Al-Mughni* oleh Ibn Qudamah.
    - Analisis kaedah usul fiqh dalam memahami lafaz umum, khusus, dan muqayyad berkaitan hadis ini.
3. **Kajian Isu Semasa Masyarakat**
    - Analisis kes-kes kekeliruan dalam masyarakat berkaitan kewajipan mandi junub.
    - Penggunaan rujukan kontemporari seperti fatwa kebangsaan, Majlis Fatwa Malaysia, serta karya ulama moden (contoh: Muhammad al-Mukhtar al-Shinqiti dalam *Syarh al-Tirmidhī*).

**BAB 2: ANALISIS HADIS (MATAN & BAHASA)**

**Perbezaan lafaz hadis:**

Hadis "إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ وَإِنْ لَمْ يُنْزِلْ"

Terjemahan: Apabila bertemu dua khitan, maka wajib mandi, walaupun tidak keluar mani.

Hadis merupakan dalil yang kukuh dalam penetapan kewajiban mandi junub bagi pasangan suami isteri setelah melakukan hubungan intim, meskipun tidak berlaku ejakulasi.

Hadis ini dipetik daripada beberapa kitab rujukan hadis dengan lafaz yang berbeza-beza antaranya daripada al-Muwaṭṭā', Sunān Ibn Mājah, Musnad Imām Aḥmad, Sunān al-Kubrā dan al-Barrāz.

Sunān Ibn Mājah dalam Bāb Mā Jā' Fī Wujūb al-Ghusl ithā al-Taqā al-Khitānān daripada riwayat Aisyah RA:

إذا التقى الختانان فقد وجب الغسل فعلته أنا ورسول الله صلى الله عليه وسلم فاغتسلنا

Terjemahan: Apabila bertemu dua khitān, maka wajib mandi junub. Aku melakukannya bersama Rasulullah SAW dan mandi bersama.

Imām Aḥmad dalam Bāqī Musnad al-Anṣar Bāb Ḥadīth al-Sayyidah 'Āishah Raḍiyallahu 'ahā meriwayatkan hadis daripada Aisyah:

إذا التقى الختانان وجب الغسل

Terjemahan: Apabila bertemu dua khitān, maka wajib mandi junub.

Al-Barrāz meriwayatkan hadis yang sama daripada riwayat Aisyah tetapi melalui jalur riwayat lain:

إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ وَجَبَ الْغُسْلُ

Terjemahan: Apabila bertemu dua khitān, maka wajib mandi junub.

Sunān al-Kubrā oleh al-Bayhaqī dalam Kitāb al-Ṭahārah daripada riwayat Abū Hurayrah RA:

إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ وَإِنْ لَمْ يُنْزِل

Terjemahan: Apabila bertemu dua khitān, maka wajib mandi junub, walaupun tidak tidak keluar mani.

Imam Malik meriwayatkan hadis dalam al-Muwaṭṭā' hadis yang lebih literal lafaznya dalam al-Muwaṭṭā', Bāb Wājib al-Ghusl ithā al-Taqā al-Khitānān daripada 'Umar, Uthman dan Aisyah RA iaitu:

إذا مس الختان الختان فقد وجب الغسل

Terjemahan: "Apabila dua khitan bersentuhan, maka wajib mandi."

Imam Aḥmad, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah dan Ibn Ḥibbān meriwayatkan hadis daripada Aisyah RA dengan lafaz 'جَاوَزَ':

إِذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَانَ وَجَبَ الْغُسْلُ . فَعَلْتُهُ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَاغْتَسَلْنَا .

Terjemahan: "Apabila khitan (lelaki) melampaui khitan (wanita), maka wajib mandi. Aku melakukannya bersama Rasulullah SAW lalu kami berdua mandi

Imam al-Tirmidhī mengulas dengan menyatakan bahawa hadis ini berstatus hadis hasan sahih.

Imam Aḥmad dan Imām al-Tirmidhī juga meriwayatkan hadis yang sama daripada 'Alī bin Zayd bin Jud'ān dan menilai hadis ini dengan hasan sahih.

إِذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَانَ وَجَبَ الْغُسْلُ

Terjemahan: "Apabila khitan (lelaki) melampaui khitan (wanita), maka wajib mandi junub.

Matan hadis ini sering dirujuk bersama lafaz lain bagi menjelaskan maksudnya yang sama. Menurut al-Zarqānī (2003), walaupun hadis Imām Mālik sahih dari aspek sanad, tetapi hadis di atas telah dinasakhkan oleh jumhur ulama dengan hadis riwayat Abū Hurayrah dan Aisyah RA. Hadis daripada riwayat Abū Hurayrah adalah seperti berikut:

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ

Terjemahan: "Apabila seorang lelaki duduk di antara cabang-cabang (kaki dan paha) seorang perempuan, kemudian ia bersungguh-sungguh (berhubungan), maka wajib mandi."

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Ghusl, Bāb Idhā al-Taqā al-Khitānān.

Imām Muslim turut meriwayatkan hadis yang sama. Dalam masa yang sama, Imām Muslim turut meriwayatkan satu lagi hadis ini melalui Syu'bah daripada Qatādah dengan lafaz (ثُمَّ اجْتَهَدَ). Imām al-Nasā'ī turut meriwayatkan melalui jalur Khālid daripada Syu'bah.

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ ، فَأَجْهَدَ نَفْسَهُ – فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ ، أَنْزَلَ أَوْ لَمْ يُنْزِلْ

Terjemahan: "Apabila seorang lelaki duduk di antara cabang-cabang yang empat (kaki dan paha) seorang perempuan, kemudian ia bersungguh-

sungguh (berhubungan), maka wajib mandi, sama ada keluar air mani atau tidak."

Manakala Imam Muslim meriwayatkan daripada Aisyah RA adalah seperti berikut:

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ ، وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ – فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ

Terjemahan: "Apabila seorang lelaki duduk di antara cabang-cabang yang empat (kaki dan paha) seorang perempuan, dua khitan bertemu, maka wajib mandi.

Hadis ini diriwayatkan melalui beberapa jalur sanad yang kuat, menjadikannya hadis sahih dan disepakati oleh para ulama sebagaimana berikut:

Riwayat Abu Hurairah: Imam al-Bayhaqī meriwayatkan hadis ini daripada Abu Hurayrah.

Riwayat Aisyah: Imām Muslim, Aḥmad, dan al-Tirmidhī turut meriwayatkan daripada Aisyah r.a. dengan lafaz yang hampir sama, yang menegaskan kewajipan mandi apabila berlaku persentuhan dua khitan.

Hadis berkaitan mandi junub tidak hanya berpada dengan hadis ini, bahkan turut dirujuk bersama hadis yang dinaqalkan oleh Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim seperti di atas. Kedua-dua Imām tidak menaqalkan hadis إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ dalam kitab Ṣaḥīḥ masing-masing tetapi Imām al-Bukhārī menjadikan hadis إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ sebagai tajuk bab sahaja.

**Penerangan Lafaz Hadis:**

الْتَقَى الْخِتَانَانِ : Menurut al-Shāfiʿī, maksud bertemu dua bahagian yang dikhatankan adalah hilang ubun-ubun (الحشفة) ke dalam faraj sehingga tempat khitan di belakang ubun-ubun sama dengan tempat khitan wanita manakala menurut Aḥmad, apabila hilang bahagian bulat zakar (glans zakar) dan melepasi bahagian khitan lelaki dan wanita (Ibn Rejab, Fath al-Bārī). Menurut al-Rājiḥī (t.t) maksudnya adalah masuknya zakar ke dalam faraj sehingga kepala zakar (ḥasyafah) tenggelam. Ia bukan sekadar bersentuhan luaran, kerana "pertemuan" tidak berlaku melainkan dengan penetrasi. Oleh itu, apabila kepala zakar tenggelam ke dalam faraj, maka wajib mandi junub meskipun tidak berlaku ejakulasi.

المس والالتقاء : al-Zarqānī (2003) ketika mensyarahkan hadis dengan lafaz ini dalam al-Muwaṭṭā' menjelaskan bahawa maksudnya adalah melepasi atau melampaui (al-mujāwazah') sepertimana dalam riwayat Imam al-Tirmidhī. Bukanlah maksud bersentuhan (al-mas) itu dengan makna yang literal kerana menurut Ijmā', tidak wajib mandi jika tidak berlaku penetrasi.

**BAB 3: SYARAHAN HADIS & MAQASID HADIS**

**Analisis syarah (penjelasan):**

Hadis mengenai mandi wajib jika bertemu kemaluan lelaki dan wanita telah disyarahkan oleh para sarjana hadis. Antara pandangan yang diberikan oleh para sarjana hadis adalah al-Rājiḥī (t.t) dalam syarah terhadap Ṣaḥīḥ Muslim menyatakan bahawa sebahagian orang menyangka bahawa mandi junub hanya diwajibkan apabila keluar mani sahaja sedangkan hal ini benar pada peringkat awal Islam, seseorang yang tidak mengalami ejakulasi hanya diwajibkan membasuh kemaluannya dan berwuduk. Namun hukum ini telah dimansukh dengan riwayat al-Bukhārī dan Muslim daripada Abū Hurayrah RA:

قال إذا جلس بين شعبها الأربع ثم جهدها فقد وجب الغسل

Terjemahan: "Apabila seorang lelaki duduk di antara empat anggota wanita (kaki dan peha) lalu menekan dirinya, maka wajib mandi junub."

Dalam riwayat Muslim dan Aḥmad disebut tambahan: "وإن لم ينزل" (walaupun tidak keluar mani). Tambahan lafaz "فعلته أنا ورسول الله" (Aku melakukannya bersama Rasulullah SAW) tidak terdapat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Muslim, namun asal hadis tersebut memang diriwayatkan di dalamnya.

Begitu juga hadis "الماء من الماء" (air mani menjadi sebab mandi), ada yang berpendapat ia telah dimansukh. Namun yang benar, hukum tersebut kekal dalam kes *iḥtilām* (mimpi basah), kerana *iḥtilām* tidak sah menjadi sebab mandi kecuali dengan keluarnya mani. Ungkapan "الماء" bermaksud air mandi junub, manakala "من الماء" ialah air mani. Maka hukum itu dimansukh dengan hadis "إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ", sedangkan hukum "الماء من الماء" terus berlaku dalam konteks iḥtilām. Mandi junub diwajibkan kerana dua sebab utama; pertama, berlakunya jima' (persetubuhan), dan kedua berlakunya inzāl (keluar mani). Maka, sesiapa sahaja yang mengalami ejakulasi, sama ada ketika jaga atau tidur, tetap wajib mandi walaupun tanpa jima'.

Ibn Hajar al-'Asqalani (2005) ketika mensyarahkan hadis riwayat al-Bukhari menaqalkan ijmak ulama bahawa sekadar sentuhan sebelum berlakunya penetrasi tidaklah mewajibkan mandi junub, katanya:

والمراد بالمس والالتقاء المحاذاة ويدل عليه رواية الترمذي بلفظ " إذا جاوز " وليس المراد بالمس حقيقته ; لأنه لا يتصور عند غيبة الحشفة ولو حصل المس قبل الإيلاج لم يجب الغسل بالإجماع

*"Dan yang dimaksudkan dengan sentuhan* المس *dan pertemuan* الالتقاء *ialah berhadapan/sejajar, dan yang menunjukkan hal ini ialah riwayat al-Tirmidhī dengan ungkapan 'apabila melepasi'* جاوز, *bukanlah yang dimaksudkan dengan sentuhan itu secara hakikatnya; kerana ia tidak dapat dibayangkan ketika hasyafah (kepala zakar) hilang (masuk), (apabila masuk ia tidak dipanggil bersentuhan).* ***Dan sekiranya berlaku sentuhan sebelum berlakunya pemasukan (penetrasi), maka tidaklah wajib mandi junub menurut ijmak ulama."***

Al-Nawawi (2015) ketika menghuraikan riwayat hadis berkenaan di dalam Sahih Muslim menyebutkan secara jelas berkenaan ijmak sebagaimana yang berikut:

قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ) قَالَ الْعُلَمَاءُ مَعْنَاهُ غَيَّبْتَ ذَكَرَكَ فِي فَرْجِهَا وَلَيْسَ الْمُرَادُ حَقِيقَةَ الْمَسِّ وَذَلِكَ أَنَّ خِتَانَ الْمَرْأَةِ فِي أعلى الفرج ولايمسه الذَّكَرُ فِي الْجِمَاعِ وَقَدْ أَجْمَعَ الْعُلَمَاءُ عَلَى أَنَّهُ لَوْ وَضَعَ ذَكَرَهُ عَلَى خِتَانِهَا وَلَمْ يُولِجْهُ لَمْ يَجِبِ الْغُسْلُ لَا عَلَيْهِ وَلَا عَلَيْهَا فَدَلَّ عَلَى أَنَّ الْمُرَادَ مَا ذَكَرْنَاهُ وَالْمُرَادُ بِالْمُمَاسَّةِ الْمُحَاذَاةُ وَكَذَلِكَ الرِّوَايَةُ الْأُخْرَى إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ أَيْ تَحَاذَيَا

*Sabda Rasulullah SAW: 'Apabila dua kemaluan bersentuhan, maka wajiblah mandi junub' (*وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ*). Para ulama menjelaskan maksud hadis ini ialah kepala zakar tenggelam ke dalam faraj, bukannya sentuhan hakiki semata-mata. Hal ini kerana khitan wanita terletak di bahagian atas faraj dan zakar tidak menyentuhnya secara langsung semasa persetubuhan.* ***Para ulama juga telah berijmak bahawa jika zakar diletakkan di atas kemaluan wanita tanpa dimasukkan, maka mandi junub tidaklah wajib, baik ke atas lelaki mahupun wanita****. Ini menunjukkan bahawa yang dimaksudkan adalah seperti yang telah disebutkan tadi. Maksud bersentuhan (al-mumāsah) di sini ialah berhadapan atau sejajar antara dua kemaluan. Begitu juga dengan riwayat lain yang menyebut: 'Apabila dua kemaluan bertemu' (*إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ*), ia bermaksud berhadapan atau sejajar antara keduanya."*

Daripada sorotan terhadap bahan-bahan rujukan yang menghuraikan hadis-hadis ini, dapat dilihat bahawa perbincangan para fuqaha berkisar kepada persoalan sama ada berlaku pertembungan maksud hadis-hadis berkenaan dan adakah ada hadis berperanan sebagai nasikh (yang memansukhkan) kepada hadis lain. Hal ini kerana terdapat riwayat yang secara umum mewajibkan mandi junub hanya dengan sebab keluarnya air mani, tanpa mengambil kira sama ada berlaku penetrasi ataupun tidak. Persoalan yang timbul, jika berlaku penetrasi sahaja tanpa keluarnya air mani, adakah wajib mandi junub ataupun tidak.

Jika dirujuk kepada kitab syarahan hadis hukum kontemporari seperti karangan Nuruddin 'Itr (1998), kesimpulan yang dibuat oleh beliau adalah seperti berikut:

Dalil-dalil yang digunakan oleh kedua-dua pihak adalah sahih dan *thabit*. Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil:

1. Mansuh (نسخ) – Menganggap salah satu hujah telah dimansuhkan dengan dalil lain. Misalnya, hadis yang mewajibkan mandi hanya kerana penetrasi tanpa keluar air mani diriwayatkan selepas hadis yang mewajibkan mandi kerana keluar air mani. Dari segi sejarah, hadis yang kemudian ini (hadis yang menjadi perbincangan artikel ini) memansuhkan hukum hadis terdahulu.
2. Tarjih (ترجيح) – Memilih hujah yang lebih kuat. Hadis yang mewajibkan mandi walaupun tanpa keluar air mani dapat difahami secara tersurat (dalālah manṭūq), manakala hadis yang mewajibkan mandi hanya kerana keluar air mani difahami secara tersirat (mafḥūm mukhālafah). Pemahaman tersurat dianggap lebih kuat berbanding pemahaman tersirat.
3. Kumpulkan (جمع) – Mengamalkan semua hadis tanpa memansuhkan mana-mana, contohnya, hadis yang mewajibkan mandi kerana keluar air mani boleh ditafsirkan sebagai kewajiban mandi bagi mereka yang bermimpi atau keluar air mani tanpa persetubuhan. Manakala hadis yang mewajibkan mandi walaupun tanpa keluar air mani menunjukkan kewajiban mandi apabila berlaku persetubuhan tanpa keluar air mani. Pendekatan ini merupakan pendekatan jumhur ulama.

Oleh itu, kebanyakan syarahan yang ditemui, berputar huraiannya sepertimana yang telah diringkasan oleh Nuruddin 'Itr, tidak ditemukan berkenaan perbezaan pandangan atau ada fuqaha yang berpendapat

bahawa hanya sekadar bersentuhan atau bergeseran antara kemaluan sudah mewajibkan mandi junub. Pemahaman ini menunjukkan kesungguhan para fuqaha dalam meneliti keseluruhan nas dan hadis sebelum membuat kesimpulan hukum secara menyeluruh.

**Maqasid atau hikmah mandi junub**

Sesiapa yang benar-benar faham apa yang dibawa oleh syariat Islam, dia tidak akan rasa berat dengan perintah atau larangan Allah. Ilmu tentang agama ini sendiri sudah cukup untuk mencegah seseorang daripada rasa buntu atau sibuk mencari-cari sebab di sebalik setiap hukum.

Bayangkan saja bagaimana kita percaya kepada seorang doktor. Kalau doktor bagi jadual rawatan atau program pencegahan, orang yang yakin kepadanya akan ikut sahaja, sebab percaya ia berdasarkan pengalaman dan kepakaran. Tidak timbul pun persoalan kenapa ini dilarang atau itu diwajibkan.

Begitulah juga, malah lebih kuat lagi, keyakinan kita kepada Allah SWT. Kepercayaan kepada Allah jauh melampaui keyakinan kita terhadap manusia biasa. Tidak ada langsung ruang untuk dibandingkan antara Tuhan dan makhluk, antara Pencipta dan ciptaan-Nya.

Sesiapa yang benar-benar meneliti hukum-hukum syariat, lalu Allah SWT kurniakan kefahaman kepadanya, pasti akan nampak perbezaan yang halus dalam kaedah bersuci dalam Islam. Dia akan sedar, contohnya, kenapa mandi junub diwajibkan bila keluar mani, tetapi tidak bila hanya kencing. Begitu juga, dia akan faham ada beza yang jelas antara wuduk dengan mandi junub, setiap satunya ada hikmah yang tersendiri. Ibn Qayyim (2019) berkata:

*"Kewajipan yang ditetapkan oleh syarak untuk mandi kerana keluarnya mani, bukan kerana kencing, adalah antara keindahan terbesar syariat, yang mengandungi rahmat, hikmah, dan maslahat. Mani keluar dari seluruh badan, oleh itu Allah Ta'ala menyebutnya sebagai sulālah kerana ia mengalir dari seluruh badan. Manakala kencing hanyalah sisa daripada makanan dan minuman, yang tidak digunakan dalam perut dan pundi kencing. Oleh itu, pengaruh keluar mani terhadap badan lebih besar daripada pengaruh kencing. Selain itu, mandi selepas keluarnya mani memberi manfaat paling besar kepada badan, hati, dan roh, bahkan kepada semua roh yang berada dalam badan kerana mandi menguatkan mereka. Mandi menanggalkan apa yang terkumpul akibat keluar mani, dan ini dapat dirasai secara nyata."*

Beliau menambah:

*"Selain itu, keadaan junub menimbulkan keletihan dan kemalasan, sedangkan mandi memberikan kesegaran dan kelapangan. Oleh itu, Abu Dzar berkata setelah mandi dari junub: 'Seolah-olah aku telah melepaskan beban dari diriku.' Secara keseluruhan, perkara ini dapat difahami oleh sesiapa yang mempunyai naluri sihat dan fitrah yang benar, bahawa mandi junub membawa maslahat yang bersangkut-paut dengan keperluan badan dan hati. Junub menjauhkan hati dan roh daripada kebaikan, dan apabila mandi dilakukan, jauhan itu hilang. Maka tidak hairan jika beberapa sahabat berkata: 'Apabila seorang hamba tidur, rohnya naik. Jika ia dalam keadaan suci, rohnya diizinkan untuk sujud, tetapi jika dalam keadaan junub, rohnya tidak diizinkan.' Justeru, Nabi SAW memerintahkan orang yang junub untuk berwuduk apabila tidur.*
*Para pakar perubatan juga menyatakan bahawa mandi selepas hubungan seksual mengembalikan tenaga badan, menanggalkan apa yang terkumpul akibat persetubuhan, dan memberi manfaat besar kepada badan dan roh. Mengabaikannya mendatangkan mudarat, dan akal serta fitrah sendiri sudah mencukupi untuk menilai kebaikannya. Allah, dengan hikmah dan rahmat-Nya, tidak mewajibkan mandi selepas kencing kerana ia akan menimbulkan kesulitan yang besar kepada umat."*

Dalam Islam wujud hubungan antara zahir dan batin. Sesiapa yang menjaga kebersihan badan dan pakaiannya dari kotoran dan najis, sewajarnya lebih tekun membersihkan dirinya dan batinnya daripada akhlak tercela. Mereka yang menghias badan dan pakaian adalah tanda kecantikan batin. Islam tidak hanya menekankan kecantikan zahir dan mengabaikan kecantikan batin; kedua-duanya dikehendaki. Walaupun seseorang boleh dimaafkan jika tidak mampu menghias zahirnya, ia tidak menjadi alasan untuk meninggalkan memperbaiki batin. Kedua-dua bentuk kesucian ini menjadi sebab untuk meraih keredaan dan cinta Allah SWT, sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud:

"*Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertaubat dan mencintai orang-orang yang bersuci*."

**BAB 4: PERBANDINGAN PANDANGAN FUQAHA**

Definisi "Pertemuan Dua Khitan" menurut Bahasa dan menurut pandangan ulama' :

*Al-Kitan* dari Sudut Bahasa:

- Makna asas: *الختانان*/ialah dual daripada *الختان*/ Dalam bahasa Arab klasik, ia digunakan untuk menunjuk kepada kemaluan lelaki (yang telah dikhatan) dan kemaluan perempuan (yang ada bahagian kecil kulit yang dipotong ketika khatan).
- Ungkapan "التقاء": bermaksud "bertemu atau berhadapan". Contohnya disebut oleh orang Arab: *التقى الفارسان* (dua penunggang kuda berhadapan) walaupun belum bersentuhan secara fizikal.
- Rumusan bahasa: "التقاء الختانين" bermaksud pertemuan atau berhadapan antara kemaluan lelaki dan perempuan, sama ada benar-benar bersentuhan atau sekadar berdekatan.

Ibn al-Manzur dalam *Lisan al-ʿArab* menegaskan:

والخِتانُ: مَوْضِعُ الخَتْنِ مِنَ الذَّكَرِ، وَمَوْضِعُ الْقَطْعِ مِنْ نَواة الْجَارِيَةِ

Terjemahan: *"Khitan ialah tempat potongan (kulit) pada zakar lelaki, dan tempat yang dipotong pada nawāh (bahagian kecil kulit di atas faraj) perempuan."*

**Mazhab Hanafi**

Menurut Hanafiyyah, zina atau jimaʿ yang mewajibkan hudud dan mandi junub ialah memasukkan keseluruhan *hasyafah* (kepala zakar) ke dalam faraj. Jika hanya sebahagian *hasyafah* masuk, ia tidak dikira sebagai persetubuhan yang sah dari segi hukum hudud, tidak wajib mandi, dan tidak membatalkan ibadah haji. Mereka juga menegaskan bahawa keluar mani bukanlah syarat dalam penentuan hudud kerana yang diambil kira ialah tenggelamnya *hasyafah*.

Berkata pengarang kitab Hasyiah Ibn 'Abidin : "*Zina yang mewajibkan hudud ialah persetubuhan, iaitu memasukkan kadar hasyafah (kepala zakar) daripada seorang lelaki yang mukallaf. Adapun memasukkan sebahagian daripadanya (hasyafah) tidak mewajibkan hudud, kerana itu tidak dianggap*

*persetubuhan. Oleh sebab itu ia juga tidak mewajibkan mandi junub dan tidak merosakkan ibadah haji, sebagaimana yang disebut dalam al-Jawharah. Dan dengan beliau tidak menyebut tentang syarat keluar mani, itu memberi isyarat bahawa keluar mani bukanlah syarat (untuk sabit hudud)*" (Ibn 'Abidin, 2023)

**Mazhab Maliki**

Berkata al-Dardir (2005) :"*(seperti seseorang yang) bersetubuh dengan memasukkan hasyafah ke dalam faraj tanpa keluar mani, lalu dia mandi kerana jima'nya itu. Kemudian setelah itu dia keluar mani, maka dia hanya berwuduk sahaja dan tidak perlu mandi lagi kerana sudah terdahulu mandinya…*

*Dan wajib mandi seluruh anggota zahir tubuh dengan tenggelamnya hasyafah, iaitu kepala zakar, daripada seorang yang baligh, walaupun tanpa ereksi atau tanpa keluar mani. Dan mandi itu juga wajib atas orang yang dimasuki (pasangannya), sama ada dia lelaki atau perempuan yang baligh. Dan sekalipun zakar itu dibalut dengan kain nipis yang tidak menghalang rasa syahwat, (mandi tetap wajib). Namun jika kain itu tebal yang menghalang rasa syahwat, maka tidak wajib. Dan tidak diwajibkan mandi dengan tenggelam sebahagian daripada hasyafah, sekalipun dua pertiganya"*

Bagi Malikiyyah, kewajipan mandi junub berlaku apabila tenggelamnya seluruh *hasyafah* ke dalam faraj, tanpa syarat keluar mani. Jika kemudian keluar mani selepas itu, tidak perlu mandi lagi kerana mandi pertama sudah memadai. Mandi wajib ini dikenakan ke atas kedua-dua pihak (lelaki dan pasangan), sama ada berkhatan atau tidak. Mazhab ini menekankan bahawa sekadar masuk sebahagian *hasyafah* tidak mewajibkan mandi, dan jika jimaʿ berlaku melalui penghalang tebal yang menghilangkan rasa syahwat, mandi juga tidak wajib.

**Mazhab Syafie**

*Berkata al-Ramli (2021) pula: "Dan (kewajipan mandi junub) berlaku dengan masuknya hasyafah, iaitu sebagaimana yang disebut dalam al-Sihah dan al-Qamus: bahagian yang berada di atas tempat khatan. Maka tidak berlaku (hukum itu) dengan masuk sebahagian daripadanya, walaupun bersama*

*sebahagian besar zakar dengan cara dibelah zakar itu lalu dimasukkan salah satu belahannya, sebagaimana yang jelas daripada lafaz ulama.*

*Asal hukum dalam perkara ini ialah sabda Nabi SAW: 'Apabila bertemu dua khatan maka wajiblah mandi junub.' Yang dimaksudkan dengan 'pertemuan' ialah sejajar (berhadapan), kerana tempat khatan perempuan berada di atas tempat masuk zakar, dan kedua-duanya hanya sejajar dengan tenggelamnya hasyafah (kepala zakar), atau kadar hasyafah bagi orang yang zakarnya terpotong. Dan jika zakar itu lebih panjang daripada kadar yang seimbang, maka tidak diambil kira kadar hasyafah yang berlebihan itu, sepertimana difahami daripada perkataan ulama dalam bab tahlil. Dan kepada maksud inilah ditunjukkan oleh syarah, iaitu yang diambil kira ialah kadar hasyafah pemilik zakar itu sendiri, lebih utama daripada kadar selainnya. Maka tidak dianggap dengan memasukkan kadar hasyafah tanpa kewujudannya (yang asal), sebagaimana jika seseorang melipat zakarnya lalu memasukkan kadar panjang hasyafah daripadanya — ini berbeza dengan sebahagian ulama mutaakhirin. Dan tidak juga diambil kira dengan memasukkan kurang daripada hasyafah, sekalipun yang tinggal daripada zakar itu hanyalah kadar hasyafah sahaja.*

Syafiʿiyyah berpendapat mandi junub wajib dengan masuknya hasyafah sepenuhnya ke dalam faraj, walaupun tanpa keluar mani. Mereka menegaskan bahawa tidak cukup dengan masuk sebahagian kecil sahaja, walaupun majoriti zakar masuk. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW: "*Apabila bertemu dua khitan maka wajib mandi.*" Penafsiran mereka ialah "pertemuan" berlaku hanya apabila hasyafah sejajar dengan tempat khitan perempuan, dan ukuran yang diambil kira ialah kadar hasyafah asal pemilik zakar, bukan selainnya.

**Mazhab Hanbali**

Berkata Ibn Qudamah (2020) : *"Masalah: Sabdanya (dan pertemuan dua khatan) bermaksud: tenggelamnya hasyafah ke dalam faraj, kerana inilah yang mewajibkan mandi junub, sama ada kedua-duanya telah berkhatan ataupun tidak, dan sama ada tempat khatan lelaki itu mengenai tempat khatan perempuan atau tidak. Dan jika sekadar bersentuhan khatan dengan khatan tanpa adanya persetubuhan (kemasukan), maka tidak diwajibkan mandi junub dengan ijmak ulama. Para fuqaha' juga sepakat bahawa dalam masalah ini (yakni apabila tenggelam hasyafah), wajib mandi junub, kecuali pendapat yang diriwayatkan daripada Daud (al-Zahiri) bahawa beliau berkata: tidak wajib mandi, kerana sabda Nabi SAW: 'Air itu (mandi) hanya kerana air (mani)'. Dan dahulu ada sekumpulan sahabat RA yang*

*berpendapat: tidak wajib mandi ke atas orang yang bersetubuh tetapi tidak keluar mani (jima' ak sal), yakni tidak mengeluarkan air mani.*

*Dan mereka meriwayatkan dalam hal ini beberapa hadis daripada Nabi SAW. Pada mulanya ia merupakan satu keringanan yang diberikan oleh Rasulullah SAW, kemudian Baginda memerintahkan (wajib) mandi. Sahl bin Sa'd berkata: Ubay bin Ka'b telah menceritakan kepadaku bahawa sabda Nabi SAW: 'Air itu (mandi) hanya kerana air (mani)' adalah satu keringanan yang pernah diberi oleh Rasulullah SAW, kemudian Baginda melarang daripadanya." (Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim). Ia juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dan al-Tirmidhī, dan beliau berkata: hadis ini hasan sahih*

*Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Ash'ari, beliau berkata: Berlaku perselisihan dalam perkara ini antara satu kelompok Muhajirin dan Ansar. Maka orang Ansar berkata: 'Tidak wajib mandi junub kecuali kerana air yang terpancar (keluar mani).' Dan orang Muhajirin berkata: 'Bahkan apabila berlaku percampuran (jima'), maka wajib mandi.' Maka Abu Musa berkata: 'Baiklah, aku akan menyelesaikan untuk kamu semua.' Lalu aku bangun dan meminta izin masuk menemui 'Aisyah RA: Aku berkata: 'Wahai ibuku, atau wahai Ummul Mukminin, sesungguhnya aku ingin bertanya kepadamu tentang sesuatu, dan aku berasa malu untuk bertanya.' Beliau berkata: 'Janganlah kamu malu untuk bertanya kepadaku mengenai sesuatu yang kamu akan bertanya juga kepada ibumu yang melahirkanmu. Sesungguhnya aku hanyalah ibumu.' Aku berkata: 'Apakah yang mewajibkan mandi junub?' Beliau ('Aisyah) menjawab: 'Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seorang lelaki duduk di antara empat anggota perempuan (dua tangan dan dua kaki), lalu bertemulah khatan dengan khatan, maka wajiblah mandi junub."' (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

*Dan dalam sebuah hadis daripada Umar RA beliau berkata: 'Sesiapa yang menyalahi (hukum) dalam hal ini, aku akan jadikannya sebagai pengajaran (hukuman contoh).' Dan Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: 'Apabila seorang lelaki duduk di antara empat anggota perempuan, lalu dia bersungguh-sungguh (dalam jima'), maka wajiblah ke atasnya mandi junub.' (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim). Muslim menambah: 'Walaupun dia tidak mengeluarkan mani*

*Al-Azhari berkata: Yang dimaksudkan (dalam hadis itu) ialah di antara dua peha perempuan dan dua bibir farajnya. Dan hadis mereka itu telah dimansukhkan dengan dalil hadis Sahl bin Sa'd. Segala puji bagi Allah*

*Fasal: Jika seseorang hanya memasukkan sebahagian daripada hasyafah, atau dia menyetubuhi selain daripada faraj, atau di kawasan pusat, dan dia tidak mengeluarkan mani, maka tidak wajib ke atasnya mandi junub. Hal ini kerana tidak berlaku pertemuan dua khatan dan tidak juga perkara yang menyamainya. Dan jika hasyafahnya telah terputus, lalu dia memasukkan baki zakarnya yang menyamai kadar hasyafah, maka wajib mandi junub, dan terikatlah dengannya segala hukum jimaʻ seperti mahar dan sebagainya. Tetapi jika yang dimasukkan itu kurang daripada kadar hasyafah, maka tidak wajib apa-apa hukum".*

Hanabilah menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan pertemuan dua khitan ialah tenggelamnya hasyafah ke dalam faraj, tanpa syarat keluarnya mani. Sekadar sentuhan antara dua khitan tidak mewajibkan mandi junub, menurut ijmak ulama. Mereka mengiktiraf bahawa pendapat awal sebahagian sahabat membolehkan keringanan mandi hanya jika keluar mani, namun kemudian hukum ini dimansukhkan berdasarkan hadis sahih yang mewajibkan mandi dengan semata-mata jimaʻ walaupun tanpa inzal. Hanabilah juga membincangkan situasi khas seperti jika zakar terpotong, maka ukuran yang diambil ialah kadar hasyafah yang wujud.

Kesimpulannya, keempat-empat mazhab utama sepakat bahawa yang mewajibkan mandi junub dalam *jimaʻ* (persetubuhan) ialah masuknya *hasyafah* (kepala zakar) ke dalam faraj, walaupun tanpa keluar mani. Perbezaan mereka hanya pada perincian teknikal, seperti keharusan mandi jika sebahagian kecil sahaja yang masuk (yang ditolak jumhur), status penghalang kain nipis atau tebal, dan kadar yang diambil kira bagi zakar yang terpotong. Keseluruhannya, pendapat jumhur (Maliki, Syafiʻi, Hanbali) dan juga Hanafi menyatakan bahawa sentuhan luaran semata-mata tidak mewajibkan mandi, sebaliknya ia hanya berlaku dengan penetrasi penuh hasyafah. Maka, ungkapan hadis "apabila bertemu dua khitan" dalam syarak adalah kinayah yang disepakati membawa maksud persetubuhan sebenar, bukan semata-mata sentuhan kulit.

**BAB 5: ANALISIS & PERBINCANGAN**

Al Baghawi (1989) di dalam huraian tafsirnya mengenai ayat wudhu menyebutkan bahawa:

وغسل الجنابة يجب بأحد الأمرين : إما بنزول المني أو بالتقاء الختانين ، وهو تغييب الحشفة في الفرج وإن لم ينزل

*Mandi junub diwajibkan dengan salah satu daripada dua perkara: sama ada kerana keluarnya mani, atau kerana bertemunya dua kemaluan, iaitu tenggelamnya kepala zakar ke dalam faraj, sekalipun tidak keluar mani*."

Secara umumnya, isu ini timbul apabila kefahaman hukum hanya diambil daripada sebuah hadis sahaja. Sedangkan, para fuqaha dalam mengeluarkan pandangan hukum tidak terburu-buru berpegang kepada satu riwayat, sebaliknya mereka meneliti keseluruhan hadis yang berkaitan sebelum membuat kesimpulan yang menyeluruh. Inilah pendekatan yang menzahirkan keindahan metodologi mereka dalam memahami sabda Rasulullah SAW secara lebih holistik dan berimbang.

Hadis yang hanya menyebut lafaz "*Apabila bertemu dua kemaluan, maka wajiblah mandi*" (إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ وَجَبَ الْغُسْلُ) perlu dibaca bersama dengan riwayat-riwayat lain yang seumpamanya. Hal ini kerana hadis tersebut, jika difahami secara terasing, mungkin menimbulkan tanggapan bahawa yang dimaksudkan ialah sekadar sentuhan atau geseran antara dua kemaluan. Sedangkan, hadis-hadis lain memberikan gambaran yang lebih jelas bahawa maksud sebenar ialah berlakunya jima' atau persetubuhan.

Sebagai contoh, riwayat yang menggunakan lafaz "*Apabila kemaluan lelaki melepasi kemaluan perempuan*" (إِذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَانَ) memberi isyarat bahawa ia bukan sekadar bersentuhan, tetapi berlaku perbuatan melepasi atau menembusi. Begitu juga riwayat lain yang menyebut lafaz "*kemudian dia bersungguh-sungguh terhadapnya*" (ثُمَّ جَهَدَهَا). Al-Nawawi (2015) dalam menghuraikan istilah Arab jahadaha (جَهَدَهَا) menyatakan bahawa Al-Khattabi menafsirkan ia sebagai "menggali", manakala ulama lain pula menafsirkannya sebagai "mencapai kepada kemaluan wanita tersebut". Di samping itu, istilah *al-juhd* sendiri membawa maksud kemampuan, yang menjadi isyarat kepada pergerakan serta penguasaan bentuk perbuatan persetubuhan. Ibn Hajar al-'Asqalani (2005) ketika mensyarahkan hadis riwayat al-Bukhari turut menjelaskan bahawa maksud *al-juhd* di sini adalah kinayah (kiasan) kepada proses persetubuhan itu sendiri. Oleh tu, ia menjadi sebab mengapa

berlakunya ijmak seperti yang dinaqalkan oleh al-Nawawi di dalam bab sebelum ini bahawa jika tidak berlakunya penetrasi mandi junub tidak diwajibkan.

Apabila kita meneliti hadis-hadis Nabi SAW serta ayat-ayat al-Quran, dapat diperhatikan bahawa setiap kali nas-nas tersebut menyentuh isu jima', ia disampaikan dengan bahasa yang halus dan penuh kesopanan. Ungkapan yang digunakan tidak bersifat terlalu terus terang, sebaliknya penuh dengan kiasan dan adab, mencerminkan ketinggian akhlak syariat dalam membicarakan perkara yang bersifat sensitif. Kita dapat melihat kehalusan bahasa tersebut sebagaimana perbahasan yang berikut.

**Kesantunan dan Keberadaban Bahasa dalam Hadis Nabi**

Hadis berikut yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim masyhur, jika disoroti secara khusus ia menampilkan akhlak yang baik, serta ungkapan-ungkapannya yang dilihat sopan:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ:كَانَ ابْنٌ لِأَبِي طَلْحَةَ يَشْتَكِي، فَخَرَجَ أَبُو طَلْحَةَ، فَقُبِضَ الصَّبِيُّ. فَلَمَّا رَجَعَ أَبُو طَلْحَةَ؛ قَالَ: مَا فَعَلَ ابْنِي؟ قَالَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ: هُوَ أَسْكَنُ مَا كَانَ، فَقَرَّبَتْ إِلَيْهِ العَشَاءَ فَتَعَشَّى، ثُمَّ أَصَابَ مِنْهَا، فَلَمَّا فَرَغَ قَالَتْ: وَارُوا الصَّبِيَّ، فَلَمَّا أَصْبَحَ أَبُو طَلْحَةَ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ فَأَخْبَرَهُ .فَقَالَ: أَعْرَسْتُمُ اللَّيْلَةَ؟ قَالَ: نَعَمْ .قَالَ: اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمَا. فَوَلَدَتْ غُلاَماً .قَالَ لِي أَبُو طَلْحَةَ: احْفَظْهُ حَتَّى تَأْتِيَ بِهِ النَّبِيَّ، فَأَتَى بِهِ النَّبِيَّ وَأَرْسَلَتْ مَعَهُ بِتَمَرَاتٍ، فَأَخَذَهُ النَّبِيُّ .فَقَالَ: أَمَعَهُ شَيْءٌ؟ قَالُوا: نَعَمْ، تَمَرَاتٌ، فَأَخَذَهَا النَّبِيُّ فَمَضَغَهَا، ثُمَّ أَخَذَ مِنْ فِيهِ، فَجَعَلَهَا فِي فِي الصَّبِيِّ وَحَنَّكَهُ بِهِ، وَسَمَّاهُ عَبْدَ اللَّهِ الْبُخَارِيُّ (5470)، وَمُسْلِمٌ.(2144)

Daripada Anas bin Malik r.a., beliau berkata:

*"Anak lelaki Abu Talhah sedang sakit, lalu Abu Talhah keluar (dari rumah). Tidak lama kemudian, anak itu meninggal dunia. Apabila Abu Talhah pulang, beliau bertanya: 'Apa yang anakku sedang lakukan?'*
*Ummu Sulaim menjawab: 'Dia kini berada dalam keadaan paling tenang.'*
*(فَقَرَّبَتْ إِلَيْهِ العَشَاءَ فَتَعَشَّى، ثُمَّ أَصَابَ مِنْهَا) Lalu Ummu Sulaim menghidangkan makan malam kepada Abu Talhah, maka beliau pun makan, kemudian berhubungan dengannya.*
*Setelah selesai, Ummu Sulaim berkata: 'Kebumikanlah anak itu.' Keesokan paginya, Abu Talhah pergi menemui Rasulullah SAW lalu menceritakan perkara tersebut.*

*Baginda bertanya: (أَعَرَّسْتُمُ اللَّيْلَةَ؟)'Adakah kamu berdua bersama (bersetubuh) malam tadi?' Abu Talhah menjawab: 'Ya.' Maka Rasulullah SAW berdoa: 'Ya Allah, berkatilah mereka berdua.'*

*Kemudian Ummu Sulaim melahirkan seorang anak lelaki. Abu Talhah berkata kepadaku (Anas): 'Jagalah anak ini sehingga engkau membawanya kepada Nabi SAW.' Lalu aku membawa anak itu kepada Baginda, bersama beberapa butir kurma yang dihantar oleh Ummu Sulaim. Nabi SAW mengambilnya dan bertanya: 'Adakah bersama anak ini sesuatu (makanan)?' Mereka menjawab: 'Ya, beberapa butir kurma.' Maka Nabi SAW mengambil kurma tersebut, mengunyahnya, lalu memasukkan kunyahan itu ke dalam mulut bayi, kemudian mentahnikkannya. Nabi SAW menamakannya 'Abdullah.'"*

Kalau kita perhatikan, hadis ini sangat halus dalam cara menyampaikan maksudnya, khususnya bila merujuk kepada hubungan suami isteri. Menariknya, Anas r.a. menggunakan ungkapan "فَتَعَشَّى، ثُمَّ أَصَابَ مِنْهَا". Frasa ini seakan jadi kiasan lembut yang penuh adab dan cukup sopan, tapi maksudnya tetap jelas. Ia menggambarkan bagaimana bahasa yang dipilih bukan sekadar menyampaikan makna, tapi juga menjaga nilai malu dan kesucian. Inilah keindahan bahasa yang lahir daripada generasi sahabat, dengan ungkapan ringkas tetapi sarat dengan makna.Riwayat yang lebih Panjang ada menyebutkan bahawa semasa Abu Talhah r.a baru dimaklumkan tentang kematian anaknya beliau berkata

وَقالَ: تَرَكْتِنِي حتَّى تَلَطَّخْتُ، ثُمَّ أَخْبَرْتِنِي بابْنِي

*Engkau membiarkan aku sehingga aku telah berjunub, kemudian barulah engkau memberitahuku tentang (kematian) anakku.*

Kalau kita lihat pula ungkapan Abu Talhah r.a., beliau menggunakan kata "تلطختُ" (aku telah berlumuran). Perkataan ini asalnya merujuk kepada kesan wangian atau harum-haruman yang dipakai seorang isteri ketika berhias untuk suaminya, lalu melekat pada tubuh suaminya. Tapi di sini, Abu Talhah r.a. sebenarnya sedang berbahasa kiasan — merujuk kepada hubungan suami isteri dengan cara yang sangat halus dan sopan. Indahnya ungkapan ini, seakan-akan menggambarkan hubungan itu melalui bayangan wangian yang harum, menjadikan kiasannya lebih manis daripada harumannya sendiri. Menarik juga bila kita lihat ungkapan Rasulullah SAW sendiri. Baginda pernah bersabda: "أعرستم الليلة؟" (Kamu ber'aras' malam tadi?). Perkataan ta'rīs asalnya bermaksud berhenti sekejap dalam perjalanan pada hujung malam untuk tidur. Tapi di sini, Baginda gunakan ia sebagai kiasan lembut untuk merujuk

kepada hubungan suami isteri. Ungkapan ini sangat halus, seakan menggambarkan jima'dengan bayangan "berehat sebentar dalam perjalanan", menyebut melalui masa dan tempat, tanpa menyentuh maksud asal secara terus. Inilah seni bahasa Nabi SAW: jelas, sopan, dan penuh adab.Kalau kita perhatikan, ada tiga ungkapan berbeza yang digunakan untuk merujuk kepada satu perkara yang sama iaitu hubungan suami isteri. Dari situ, kita boleh belajar betapa halusnya akhlak para salaf r.a., yang menjaga tutur kata mereka dengan penuh adab. Ia jadi teladan supaya kita juga, dengan izin Allah SWT, dapat mencontohi generasi terbaik ini.
Begitu juga dalam hadis lain, Rasulullah SAW sendiri menggunakan bahasa kiasan bila menyentuh perkara sensitif. Contohnya sabda Baginda:

"حَتَّى تَذُوقِي عُسَيْلَتَهُ، وَيَذُوقَ عُسَيْلَتَكِ"

*(Sehinggalah engkau merasai manisan madu daripadanya, dan dia pula merasai manisan madu daripadamu).*

Di sini, Baginda SAW menggunakan kiasan "*al-'usaylah*" (manisan madu) sebagai ganti untuk menyebut *jima'*, iaitu dalam kisah isteri Rifa'ah yang ingin kembali kepada suami pertamanya.

Menariknya, cara ini selari dengan gaya al-Quran yang juga sering menggunakan ungkapan halus untuk menyebut perkara-perkara seperti *jima'*. Saidina Ibn 'Abbas r.a. sendiri pernah menegaskan tentang hal ini, menunjukkan bahawa bahasa yang indah dan sopan itu adalah sebahagian daripada adab Islam dalam berbicara.

Abd Razzaq (2015) meriwayatkan ucapan Ibn 'Abbas RA yang berkata: *"Ad-Dukhūl (masuk), at-Taghashshi (menyelubungi), al-Ifḍā' (bercampur), al-Mubāsharah (bersentuhan), ar-Rafath (ucapan atau perbuatan yang berkaitan dengan syahwat), dan al-Lams (sentuhan) — semuanya ini adalah istilah bagi jima' (lafaz-lafaz yang disebutkan di dalam Al-Quran). Namun Allah Maha Pemalu lagi Maha Mulia, Dia menggunakan apa sahaja bentuk kiasan yang Dia kehendaki bagi menggambarkan apa sahaja yang Dia kehendaki."*

Sesungguhnya memilih ungkapan yang paling halus, memilih kata-kata yang paling mulia, dan memilih pernyataan yang paling sopan untuk merujuk kepada perkara-perkara yang memalukan adalah salah satu tanda keimanan.

Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan dalam sunan al-Tirmidhī (2016):

الحياءُ من الإيمانِ، والإيمانُ في الجنةِ، والبَذاءُ من الجفاءِ، والجفاءُ في النارِ

*"Rasa malu (ḥayā') adalah sebahagian daripada iman, dan iman itu berada di syurga. Sebaliknya, kata-kata keji (badā') adalah sebahagian daripada kekasaran (jafā'), dan kekasaran itu berada di neraka.*[1]"

Menjaga kata-kata dan hiasi ia dengan keelokan dan kesopanan adalah dituntut. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh baginda Nabi SAW, para sahabat RA dan salaf al soleh.

**Kesimpulan dan Penutup:**

Secara umum, isu kefahaman hadis tentang mandi junub sering timbul apabila hukum hanya diambil daripada satu riwayat secara terasing. Hakikatnya, para fuqaha tidak pernah terburu-buru berpegang kepada sebuah hadis sahaja, sebaliknya mereka meneliti keseluruhan riwayat yang berkaitan sebelum merumuskan hukum yang menyeluruh. Inilah keindahan metodologi istinbat mereka, yang sentiasa menzahirkan kefahaman holistik serta berimbang terhadap sabda Rasulullah SAW.

Hadis «إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ وَجَبَ الْغُسْلُ» pada zahirnya mungkin menimbulkan tanggapan bahawa kewajipan mandi berlaku hanya kerana persentuhan atau geseran dua kemaluan. Namun, apabila ia dibaca bersama riwayat lain, maksud sebenar menjadi lebih jelas, iaitu berlakunya jima' atau persetubuhan. Sebagai contoh, hadis dengan lafaz «إِذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَانَ» memberi isyarat kepada penetrasi, manakala riwayat lain dengan lafaz «ثُمَّ جَهَدَهَا» menunjukkan perbuatan bersungguh dalam proses persetubuhan. Syarahan ulama seperti al-Nawawi, al-Khattabi dan Ibn Hajar al-'Asqalani memperkukuh tafsiran ini dengan menjelaskan bahawa istilah al-juhd adalah kiasan kepada perbuatan persetubuhan itu sendiri.

Berdasarkan gabungan riwayat-riwayat ini, para fuqaha akhirnya bersepakat bahawa kewajipan mandi junub hanya berlaku apabila terdapat penetrasi, walaupun tanpa inzal. Kesepakatan ini menjadi bukti bahawa hukum-hakam taharah dibina atas asas kajian menyeluruh terhadap hadis-hadis Nabi SAW, bukan pada bacaan literal yang terpisah. Kefahaman yang benar terhadap hadis ini bukan sahaja mengelakkan salah faham, bahkan menegaskan betapa syariat Islam menitikberatkan kesucian dan kebersihan sebagai asas utama ibadah.

[1] Tirmidzi. Sunan Tirmidzi. (2016). Kaherah: Dar al Ta` sil. Kitab al Bir wa al-Silah. Bab ma ja'a fi al haya'. jld 3. m/s 188

**RUJUKAN**

**Kitab Fiqh & Usul**


- al-Kāsānī, ʿA. b. M. (1986). *Badāʾiʿ al-ṣanāʾiʿ fī tartīb al-sharāʾiʿ* (ed. 2, Vol. 1–7). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Qudāmah, A. b. ʿAbd Allāh. (1997). *Al-Mughnī* (Vol. 1–15). Riyadh: Dār ʿĀlam al-Kutub.
- al-Nawawī, Y. b. Sharaf. (2005). *Al-Majmūʿ sharḥ al-Muhadhdhab* (Vol. 1–20). Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn ʿAbd al-Barr, Y. b. ʿAbd Allāh. (2000). *Al-Istidhkār* (Vol. 1–30). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Rushd, M. b. A. (1992). *Bidāyat al-mujtahid wa nihāyat al-muqtaṣid* (Vol. 1–2). Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- al-Sarakhsī, M. b. A. (1993). *Al-Mabsūṭ* (Vol. 1–30). Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 2019. I'lāmu al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'alamin. Beirut: Dar Ibn Hazm. Cetakan Kedua.


**Kitab Hadis & Syarah**


- al-Bukhārī, M. b. I. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 1–9). Riyadh: Dār Ṭawq al-Najāt.
- al-Tirmidhī, M. b. ʿĪsā. (1996). *Al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Nasāʾī, A. b. Shuʿayb. (1991). *Sunan al-Nasāʾī al-Ṣughrā (al-Mujtabā)*. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- ʿAbd al-Razzāq ibn Hammām. (2015). *Al-Muṣannaf* . Kairo: Dār al-Taʾṣīl.
- Ibn Mājah, M. b. Yazīd. (2009). *Sunan Ibn Mājah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Aḥmad b. Ḥanbal. (1995). *Al-Musnad*. Beirut: Muʾassasat al-Risālah.
- Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, A. b. ʿAlī. (2001). *Fatḥ al-Bārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 1–13). Riyadh: Dār al-Salām.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī. (1996). *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ghurabāʾ al-Athariyyah.
- al-Mubārakfūrī, M. ʿA. (1990). *Tuḥfat al-Aḥwadhī bi sharḥ Jāmiʿ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Rajihi (tt). *Syarh Jami' al-Tirmidhī*. Islamweb.net

- Ibn Rajab al-Ḥanbalī. (2005). *Fatḥ al-Bārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 1–7). Beirut: Muʾassasat al-Risālah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya ibn Sharaf. (1431H). Al-Minhāj: Syarh Shaih Muslim ibn al-Ḥajjāj. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Zuḥaylī, W. (1998). *Al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh* (Vol. 1–10). Damsyik: Dār al-Fikr.
- Muslim b. al-Ḥajjāj. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim* (Vol. 1–5). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Nuruddin 'Itr. 'Ilam al Anam syarh bulugh al maram min ahadis al ahkam. (1998M). Damsyik: dar al farfur.
- Ibn ʿĀbidīn, Muḥammad Amīn. (2023). Ḥāshiyat Ibn ʿĀbidīn ʿalā Tanwīr al-Abṣār . Kaherah: Dār al-Salam.
- Al-Dardīr, Aḥmad ibn Muḥammad. (2005). Al-Sharḥ al-Kabīr ʿalā Mukhtaṣar Khalīl. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. (2021). Nihāyat al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj. Beirut: Dār al-Nafa'is.
- Ibn Qudāmah, ʿAbd Allāh ibn Aḥmad. (2020). Al-Mughnī. Dār Kunuz al-Islam.
- Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī. (2005). Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Riyadh: Dār al-Ṭayyibah.

**Kitab Tafsir**

- al Baghawi. Ma'alim al Tanzil. (1989M). Riyadh: Dar al Taybah

**Ensiklopedia Hadis & Digital**

- Al-Maktabah al-Shāmilah. (n.d.). *Maktabah Shāmilah* [perisian].
- Dorar.net. (n.d.). *Al-Mawsūʿah al-Ḥadīthiyyah* [Pangkalan Data Hadis]. https://dorar.net

MyREF
Malaysian Research & Education Foundation



10-2, Jalan Dataran Jade 2, Jade Hills,43000, Kajang, Selangor

info@myref.org.my
www.myref.org.my